BAC education BACflix.com

FREE FOR EVERYONE

# SPM SEMINAR 2019

#spmseminar 2019 #SPM2019 #BACFlix

PART 2

# EKONOMI

Tingkatan 4

Tingkatan 5

official_spmflix spmflix SPMflix

**EKONOMI TINGKATAN 5**

**BAB 1 EKONOMI & KERAJAAN**

**Kerajaan**

Maksud: Unit ekonomi yang menjalankan kegiatan ekonomi (pemerintah/mengurus/**mentadbir**) dengan matlamat **meningkatkan kebajikan rakyat**

3 Peranan Utama Kerajaan: Sebagai Pengeluar dan Majikan, Mencapai Objektif Makroekonomi dan Mengawal Selia Pengeluar dan Eksternaliti Negatif

**1 PERANAN KERAJAAN SEBAGAI PEGELUAR DAN MAJIKAN**

i. Peranan Kerajaan Sebagai **Pengeluar**

| Peranan | Penerangan |
|---|---|
| Mengeluarkan Barang **Awam** | -digunakan oleh **semua** anggota masyarakat<br>-tidak dikenakan bayaran/**bayaran minimum**<br>-penawaran terhad<br>-contoh: jalan raya, padang awam, sekolah, hospital |
| Mengeluarkan Barang **Sosial** | -membawa **manfaat** terbesar kepada semua masyarakat<br>-melibatkan perbelanjaan besar dan tindakan kerajaan utk keluarkan<br>-contoh: perkhidmatan pendidikan, pembinaan logi, perkhidmatan kesihatan |

**Monopoli** Semula Jadi Kerajaan

Contoh:

TENAGA NASIONAL | TM | MYrapid Your Public Transport Portal

| Ciri-ciri | Penerangan |
|---|---|
| Satu Firma sahaja | Kerajaan merupakan pengeluar tunggal dalam industri |
| Keluaran tiada pengganti | menjadi halangan bagi pengeluar swasta lain utk memasuki industri tersebut |
| Penentu harga pasaran | Kerajaan boleh mengawal harga barang: menjaga kebajikan rakyat |
| Tiada kebebasan keluar masuk industri | Mempunyai halangan seperti undang-undang, pemilikan faktor dan kos modal yang tinggi |

**ii.** Peranan Kerajaan Sebagai **Majikan**

- majikan terpenting di Malaysia: menawarkan **peluang pekerjaan** dalam sektor **perkhidmatan**
- merupakan tulang belakang bagi ekonomi negara










- Elaun Perumahan dan Sara hidup (COLA)
- Kemudahan pinjaman perumahan & kenderaan
- Imbuhan tetap khidmat awam
- Cuti tahunan mengikut kelayakan
- Cuti bersalin

**Faedah sampingan kepada kakitangan awam**

## 2 Mencapai Objektif Makroekonomi

### Makroekonomi

Maksud: Kajian mengenai ekonomi secara menyeluruh dalam **isu umum** seperti pendapatan atau keluaran negara, guna tenaga dan masalah pengangguran

### Objektif Makroekonomi

| Objektif | Penerangan |
|---|---|
| Guna Tenaga Penuh | Kadar pengangguran di sesebuah negara berada di paras yang rendah (4%) ; guna tenga yang tinggi dalam pengeluaran barang |
| Kestabilan Harga | Ketidakstabilan harga boleh menjejaskan taraf hidup masyarakat<br>Inflasi: kuasa beli pengguna akan menurun<br>Kemelesetan: pengangguran meningkat |
| Pertumbuhan Ekonomi | Peningkatan jumlah keluaran barang dan perkhidmatan dalam sesebuah negara pada sesuatu tahun berbanding tahun sebelumnya<br>**mencipta banyak peluang pekerjaan*<br>**meningkatkan pendapatan isi rumah dan negara*<br>**taraf hidup meningkat* |
| Kestabilan Imbangan Pembayaran | Penyata kewangan yang merekodkan aliran wang masuk dan keluar kesan daripada perdagangan antarabangsa dalam tempoh satu tahun<br>Kesan<br>**rizab pertukaran asing bertambah*<br>**nilai mata wang meningkat*<br>**kegiatan ekonomi meningkat* |

**3 Mengawal Selia Pengeluar dan Ekstranaliti Negatif**

| **Peranan Kerajaan** | **Ekploitasi Pengguna** | **Ekstranaliti Negatif** |
|---|---|---|
| Maksud | Menetapkan **harga yang tinggi** atas barang keperluan (walaupun tidak selamat atau tidak berkualiti) | **Kos luaran** yang ditanggung oleh masyarakat selain pengeluar dan pengguna barang itu |
| **Undang-Undang** | Mengisytiharkan barang kawalan<br>**Dasar Harga Maksimum**:<br>Tetapkan harga yg lebih rendah dpd harga keseimbangan; kebajikan *pengguna* dijaga<br>**Dasar Harga Minimum**:<br>Menetapkan harga yg lebih tinggi dpd harga keseimbangan; kebajikan *pengeluar* dijaga | Pemberian lesen<br>-penarikan lesen utk firma yang enggan mematuhi peraturan<br>-menentukan kawasan perindustrian, kerajaan menjalankan pemantauan |
| **Subsidi** (bantuan kewangan) | Pemberian subsidi kepada pengeluar untuk mengurangkan kos pengeluaran | Pemberian subsidi kepada firma yang mengikut kaedah mesra alam |
| **Cukai** (mengumpulkan hasil utk bangunkan negara) | Pengenaan cukai akan **menambahkan kos pengeluaran.** Kesan: penawaran merosot | Pengenaan ke atas pengeluaran yg membawa pencemaran alam sekitar<br>Cth: cukai karbon |

**Penunjuk Ekonomi**

***1 Indeks Harga Pengguna (IHP)***

Maksud: mengukur **perubahan harga purata** barang dan perkhidmatan dalam ekonomi bagi suatu tahun berbanding dengan suatu tahun dasar

Pengiraan indeks

-Terdapat 12 kumpulan barangan dan perkhidmatan utama (*terdapat wajaran tertentu*)




-Membandingkan harga purata barangan dan perkhidmatan yang diperoleh pada tahun dasar dengan harga purata pada tahun semasa

-Tahun dasar (nilai indeks 100) merupakan tahun yang akan dijadikan asas perbandingan dengan tingkat harga bagi tahun yang berbeza

-IHP yg semakin meningkat akan menunjukkan peningkatan dalam tingkat harga umum (inflasi)

## Inflasi

**Maksud:** Tingkat harga umum barang dan perkhidmatan naik secara berterusan
**Ciri-ciri:**
-Terlalu banyak wang dalam pasaran: Permintaan melebihi penawaran
-Guna tenaga penuh (*tiada pengangguran*)
-Kadar inflasi: 2-3%: sederhana, 4-5%: merangkak/merayap

### Jenis-jenis inflasi




**Tarikan Permintaan**
- Disebabkan oleh **guna tenaga penuh**
- Pendapatan yang tinggi akan menyebabkan permintaan meningkat



**Inflasi Tolakan kos**
- **Kos pengeluaran** yang **meningkat**
- Harga jualan akan meningkat walaupun marginal keuntungan sama




**Inflasi Diimport**
- Disebabkan oleh **harga barang import** yang **mahal**
- Kos bahan mentah diimport akan meningkatkan harga jualan barang tempatan

### Kesan Inflasi

| | |
|---|---|
| Harga Barang | •Harga barang naik; kos sara hidup naik<br>•Taraf kebajikan akan terjejas |
| Tabungan | •Terpaksa keluarkan duit tabungan untuk menanggung perbelanjaan<br>•Tabungan akan menurun |
| Pendapatan | •Menjejaskan kuasa beli masyarakat<br>•Taraf hidup masyarakat akan menurun |
| Pengangguran | Kesan positif: peluang pekerjaan bertambah<br>Meningkatkan guna tenaga negara |
| Eksport | Harga barang eksport akan meningkat<br>Kehilangan daya saing di pasaran antarabangsa: permintaan menurun |
| Kadar Faedah | Kadar faedah akan meningkat; ramai orang akan menabung<br>Kos pinjaman akan meningkat dan penawaran wang dalam pasaran dapat dikawal |

**2 Pengangguran**

Maksud: terdapat tenaga buruhyang sanggup bekerja tetapi tidak mendapat pekerjaan

**Tenaga Buruh** -yang berumur 15-64 tahun sama ada bekerja atau menganggur tidak termasuk suri rumah, pesara, pelajar dan orang yang tidak berkeupayaan melakukan kerja
-rumus: Jumlah tenaga buruh= **Jumlah guna tenaga + Jumlah penganggur**

**Guna Tenaga** -tenaga buruh yang digunakan dalam kegiatan pengeluaran
-Sebagai **petunjuk** kepada **perkembangan ekonomi** negara; semakin banyak guna tenaga, semakin tinggi tingkat perkembangan
-rumus: Jumlah guna tenaga= **Jumlah tenaga buruh - Jumlah penganggur**

Kesan masalah Pengangguran terhadap eko negara:
i. pendapatan negara sebenar kurang dpd pendapatan negara potensi
ii. hasil kerajaan berkurang: kutipan cukai kurang
iii. ketidakcekapan dlm pengeluaran dan pembaziran sumber
iv. taraf hidup merosot

Kesan pengangguran terhadap masalah sosial negara
i. kadar kemiskinan meningkat
ii. timbul masalah keluarga
iii. kes jenayah meningkat
iv. kehilangan kemahiran dan keyakinan diri

Jenis Pengangguran

| Jenis | Maksud | Sebab Berlaku | Penyelesaian |
|---|---|---|---|
| **Kitaran** | *keadaan ekonomi yg lembap* | *Kemelesetan: DD Agregat turun: pengurangan buruh* | Kerajaan boleh menawarkan insentif/pengecualian cukai kepada firma |
| **Berstruktur** | *perubahan struktur ekonomi* | *Kekurangan kemahiran dan kelayakan* | Menawarkan kursus dan latihan utk meningkatkan kemahiran |
| **Geseran** | *berlaku pindahan kerja* | *kurang maklumat kerjaya, sikap penganggur, buat kerja sampingan* | Pameran, tempat utk melatih dan menyediakan kiosk mendapatkan maklumat |

**3 KDNK**

**nilai barang** dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh faktor-faktor pengeluaran dalam negara tanpa mengira pemilikan faktor tersebut. (penduduk dalam/luar negara)
Rumus: Sumbangan Sektor X = **Nilai keluaran sektor X** × **100%**

KDNK hanya meliputi **barang akhir** sahaja.
Barang akhir merujuk kepada **barang yang dibeli untuk penggunaan** dan bukan untuk digunakan dalam proses pengeluaran barang lain yang akan dijual semula di pasaran.

**CARA PENGIRAAN KDNK/PENDEKATAN KDNK**

**Kaedah keluaran**
Pengiraan pendapatan negara melalui kaedah keluaran dilakukan dengan mencampurkan nilai ditambah yang dihasilkan oleh pelbagai sektor ekonomi di dalam negara bagi tempoh satu tahun.

Hitungkan nilai keluaran dari Sektor utama, sektor kedua dan sektor ketiga.

**Kaedah perbelanjaan**

Pengiraan pendapatan negara melalui kaedah perbelanjaan diperoleh dengan menjumlahkan semua perbelanjaan ke atas barangan dan perkhidmatan akhir yang dihasilkan dalam ekonomi. Pengiraan ke atas barangan dan perkhidmatan akhir ini dapat mengelakkan masalah pengiraan dua kali.

**Empat komponen utama**
i *Perbelanjaan isi rumah/perbelanjaan swasta (C)* Komponen ini meliputi perbelanjaan oleh semua isi rumah dalam ekonomi untuk membeli barang dan perkhidmatan yang diperlukan. Perbelanjaan isi rumah ini termasuk perbelanjaan ke atas makanan, pakaian, barang tahan lama (radio, televisyen dan sebagainya) dan perbelanjaan untuk perkhidmatan pendidikan dan kesihatan.

Ii *Perbelanjaan Kerajaan/Penggunaan awam (G)* Perbelanjaan yang dilakukan oleh kerajaan untuk membeli kertas, alatulis dan keperluan pejabat bagi menjalankan pentadbiran kerajaan, membayar perkhidmatan kakitangan kerajaan dan perkhidmatan doktor, polis dan tentera merupakan perbelanjaan untuk mewujudkan perkhidmatan kepada orang ramai.

Iii *Perbelanjaan pelaburan (I)*
Perbelanjaan ini merupakan pelaburan yang dilakukan oleh pihak swasta dan kerajaan ke atas **barang modal** yang digunakan oleh pengusaha untuk mengembangkan ekonomi bagi menyediakan kemudahan infrastruktur dan meningkatkan pengeluaran barangan dan perkhidmatan dalam ekonomi supaya dapat memenuhi keperluan pengguna.

Iv *Eksport bersih (EM)*
Eksport bersih merupakan nilai eksport (EX) selepas ditolak dengan nilai import (IM).

**Pertumbuhan Ekonomi**

**Kepentingan Kadar Pertumbuhan Ekonomi**

i. mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan bagi menampung peningkatan penawaran tenaga buruh
ii. Meningkatkan taraf kebajikan masyarakat melalui peningkatan dalam pendapatan
iii. Mengurangkan kadar kemiskinan
iv. Merapatakan jurang pendapatan
v. Mempercepat penyediaan kemudahan perumahan perkhidmatan kesihatan dan kemudahan asas

***Sebab berlaku Pertumbuhan Ekonomi***

| Sebab | Huraian |
|---|---|
| Sumber Alam Semula jadi | *Kekayaan alam semulajadi boleh menarik pelabur asing. (perbezaan tanah, faktor geografi, hasil hutan, laut dan sebagainya).* |
| Jumlah Penduduk dan bekalan tenaga buruh | *Jika penduduk bertambah, tenaga buruh juga turut betambah dan boleh wujudkan lebihan permintaan* |
| Kemajuan teknologi | *Penggunaan teknologi yang canggih dapat meningkatkan kecekapan pengeluaran dan turunkan kos pengeluaran.* |
| Pelaburan dalam aktiviti ekonomi | *Pelabuarn merujuk kepada sumber dana utk membiayai barang modal. Semakin besar nilai pelaburan, semakin banyak barang dan perkhidmatan akan dihasilkan* |
| Sistem sosial dan sikap masyarakat | *Sistem sosial yg stabil akan memberikan keyakinan kepada pelabur. Sikap keterbukaan masyarakat akan mempengaruhi pertumbuhan ekonomi.* |

***Akibat Pertumbuhan Ekonomi***

| Sebab | Huraian |
|---|---|
| Penyediaan infrastruktur fizikal | *Kemudahan yang lengkap akan meningkatkan kecekapan firma dan menarik pelabur asing* |
| Peningkatan taraf pendidikan penduduk | *Sum.manusia yg berbakat, mempunyai pemikiran kreatif dapat menyelesaikan masalah dan mempunyai pengetahuan* |
| Peningkatan Sifat Keusahawanan | *Mencipta banyak peluang pekerjaan kepada usahawan yg kreatif kerana banyak barang diperlukan. Aktiviti R&D dijalankan dengan pesat dan taraf hidup rakyat dapat dinaikan.* |
| Kestabilan Politik dan Sosial *(Tahap keamanan Malaysia menduduki tahap ke-29 daripada 163 negara)* | *Pertumbuhan ekonomi yang pesat mendorong kepada penambahan aktiviti pengeluaran yang mencipta peluang pekerjaan dan mengurangkan kadar pengangguran dan kes jenayah* |



**ALAT DASAR EKONOMI**

**Alat Dasar Ekonomi**

I. Dasar Fiskal
II. Dasar Kewangan

**Dasar Fiskal:** Dasar kerajaan yg dilaksanakan melalui perubahan dasar **cukai** dan **perbelanjaan** kerajaan agar keadaan ekonomi yg stabil dicapai

Tujuan: i. Mencapai keadaan ekonomi yang stabil *(mengelak daripada inflasi dan kemelesetan)*
ii. Mencapai pengagihan pendapatan yang lebih saksama *(mengeratkan jurang pendapatan antara kaya dengan miskin)*

| ASPEK | DASAR FISKAL MENGEMBANG | DASAR FISKAL MENGUNCUP |
|---|---|---|
| Masalah Ekonomi | Pengangguran | Inflasi |
| Tujuan | Meningkatkan permintaan agregat | Mengurangkan permintaan agregat |
| **Kadar Cukai** | Menurunkan kadar cukai | Menaikkan kadar cukai |
| **Perbelanjaan Kerajaan** | Meningkatkan perbelanjaan kerajaan | Mengurangkan perbelanjaan kerajaan |

**Dasar Fiskal Mengembang**

-berlaku masa **kemelesetan ekonomi**/pengangguran
-bertujuan meningkatkan permintaan agregat
-kadar cukai diturunkan supaya PBG bertambah: dengan itu, kuasa beli dan permintaan pengguna akan meningkat
-Perbelanjaan kerajaan akan ditingkatkan supaya perbelanjaan dan permintaan agregat dinakkan
-peluang pekerjaan diwujudkan dan pendapatan akan meningkat: pengangguran dielakkan

**Dasar Fiskal Menguncup**

-berlaku masa **inflasi**
-bertujuan menurunkan permintaan agregat
-kadar cukai dinaikkan supaya PBG menurun: dengan itu, kuasa beli dan permintaan pengguna akan menurun
-Perbelanjaan kerajaan akan dikurangkan supaya perbelanjaan dan permintaan agregat menurun
-peluang pekerjaan diambil dan pendapatan akan menurun
-tingkat harga umum akan menurun

**Hasil Kerajaan**

Sumber Hasil Kerajaan: -**pendapatan** (cukai) **yang diperoleh** oleh kerajaan untuk perbelanjaan bagi satu tahun kewangan yang akan datang
-dibahagikan kepada **hasil cukai** dan **hasil bukan cukai**

*Hasil Cukai: bayaran wajib dalam bentuk wang*

-Dibahagikan kepada:

i. **cukai langsung**: -beban cukainya **tidak** boleh diagihkan kepada orang lain
-hasil kerajaan yang terbesar dan **diwajibkan**
**-**dikenakan ke atas **pendapatan**

| Cukai Langsung | Penerangan |
|---|---|
| Cukai pendapatan syarikat | -dikenakan terhadap keuntungan yang diperoleh oleh syarikat Berhad<br>-**24%** daripada keuntungan |
| Cukai pendapatan perseorangan | -terhadap individu yang memperoleh sejumlah pendapatan yang melebihi suatu tahap tertentu<br>-kadar cukai adalah berbentuk **progresif**<br>-Tujuan: sumber hasil, merapatkan jurang pendapatan antara kaya dengan miskin dan sebagai alat kawalan kerajaan |
| Cukai pendapatan petroleum | - terhadap semua syarikat petroleum<br>-**38%** daripada jumlah keuntungan (semakin penting dari tahun 2009) |
| Cukai pendapatan koperasi | -terhadap keuntungan koperasi (sumbangan terendah) |
| Cukai langsung yang lain | **-Cukai keuntungan hartanah**<br>Ke atas keuntungan daripada penjualan sesuatu hartanah<br><br>**-Duti setem**<br>Bayaran dikenakan berdasarkan nilai sesuatu harta apabila dokumen harta yang dipindah milik disetemkan<br><br>-**Cukai tanah**<br>Terhadap pemilik tanah pertanian, tanah perushaan, dan tanah bangunan<br><br>**-Cukai pintu**<br>Terhadap pemilik rumah; untuk membiayai perbelanjaan penyediaan prasarana dan sebagainya. |

ii. **cukai tak langsung: -**beban cukainya **boleh** diagihkan kepada orang lain
-dikenakan ke atas barang dan perkhidmatan
-diagihkan kepada pengguna dengan **menaikkan harga jualan**

| Cukai tak Langsung | Penerangan |
|---|---|
| Duti import | -terhadap barang penggunaan yang diimport<br>**-tujuan:** sebagai hasil kerajaan<br>memberi perlindungan kepada industri tempatan<br>wujudkan lebih peluang pekerjaan<br>membaiki imbangan pembayaran dan dagangan<br>mengelakkan masalah lambakan dalam pdg antarabangsa |
| Duti eksport | -terhadap komoditi utama yang dieksport ke luar negara<br>**-tujuan:** hasil kerajaan<br>menyekat eksport barang komoditi mentah<br>memajukan industri yang berasaskan sumber tempatan |
| Duti eksais | - terhadap barang seperti rokok, tembakau, minuman keras, dan kenderaan bermotor<br>**-tujuan:** hasil kerajaan<br>menyekat barang tertentu |
| Cukai jualan (GST) | -terhadap penjualan barang akhir dan perkhidmatan keluaran tempatan atau barang yang diimport dari luar negara<br>-cukai jenis **Ad-Valorem** (kadar tetap 6%) mengikut nilai barang |
| Cukai Levi | -Dikenakan atas majikan bagi membawa masuk barang dan perkhidmatan ke dalam negara<br>-dikenakan terhadap pekerja asing yang datang ke sesebuah negara |
| Cukai lain | **-Cukai Perjudian**<br>Terhadap syarikat yang menjalankan operasi perjudian berlesen di Malaysia<br>Contoh: di kasino, lumba kuda dan penjualan nombor empat ekor |

***Hasil-hasil bukan cukai***

-Bayaran dan Perkhidmatan (pos, air, elektrik, bayaran denda, dan rampasan)

-Lesen/Permit (pengeluaran lesen dan permit kenderaan dan perniagaan)

-Pendapatan Pelaburan dan bayaran bunga

-Cukai yang lain: bayaran royalty atas petroleum dan gas asli daripada syarikat minyak, dividen saham daripada Petronas, Telekom, TNB, Perusahaan Otomobil Nasional dan lain-lain

***Jenis cukai dan Kesan atas Agihan Pendapatan***

| Jenis-jenis Cukai | Penerangan |
|---|---|
| Cukai Progresif | Maksud: cukai yang kadarnya semakin tinggi apabila pendapatan naik<br>-berdasarkan pendapatan individu<br>-golongan berpendapatan tinggi akan membayar jumlah cukai yang lebih tinggi<br>-cth: cukai pendapatan individu |
| Cukai Regresif | Maksud: cukai yang kadarnya semakin menurun apabila pendapatan bertambah<br>-memberi beban yang lebih besar atas golongan berpendapatan rendah berbanding dengan golongan berpendapatan tinggi<br>-cth: cukai barang barang dan perkhidmatan (GST) |
| Cukai Berkadar Malar | Maksud: cukai yang kadarnya tetap walaupun pendapatan berubah<br>- kadar cukai yang sama bagi semua pembayar cukai tanpa mengambil kira jumlah pendapatan<br>-Cth: Cukai Pendapatan Syarikat |

**Perbelanjaan Kerajaan**

***i.*** **Perbelanjaan mengurus**

***ii.*** **Perbelanjaan pembangunan**

i. Perbelanjaan Mengurus

*-tidak dipengaruhi oleh tingkat pendapatan negara*

*-perbelanjaan semasa/mengulang/pentadbiran beroperasi lancar*

| Jenis-jenis perbelanjaan | Penerangan |
|---|---|
| Emolumen | -pembayaran **gaji dan elaun** kakitangan kerajaan<br>-perbelanjaan terbesar |
| Bayaran khidmat hutang | -bayaran balik **pinjaman negara** (dalam dan luar negara)<br>-bayaran pokok atau faedah<br>-sangat penting |
| Bekalan dan perkhidmatan | -membeli segala bekalan keperluan dan bahan yang digunakan oleh pentadbiran kerajaan<br>-**perbelanjaan penyelenggaraan, baiki kemudahan awam** |
| Pencen dan ganjaran | -bayaran kepada kakitangan awam yang bersara |
| Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri | -peruntukan bayaran pindahan<br>-untuk kerja penyelenggaraan jalan raya |
| Pemberian Subsidi | -untuk menurunkan kos pengeluaran dan harga jualan |
| Biasiswa, dermasiswa dan bantuan kerjaan | -kepada murid sekolah dan univeristi dalam bentuk bantuan wang<br>Cth: baucer buku |

ii. Perbelanjaan Pembangunan

-perbelanjaan terhadap projek sosial ekonomi

*-meningkatkan pembentukan modal negara/pelaburankerajaan/pembangunan sosial ekonomi*

| Jenis-jenis perbelanjaan | Penerangan |
|---|---|
| Keselamatan | -**pertahanan dan keselamatan** dalam negeri<br>-menyediakan senjata dan kelengkapan pasukan polis dan tentera dan projek kemudahan |
| Perkhidmatan sosial | -membina **sekolah, hospital**, poliklinik, perumahan kos rendah |
| Perkhidmatan ekonomi | -pertanian dan pembangunan luar bandar<br>-**kemudahan awam**, perdagangan dan perindustrian, pengangkutan, perhubungan dan perkhidmatan ekonomi lain |
| Pentadbiran am | -peruntukan yang paling sedikit<br>-pembelian peralatan dan jentera, pengubahsuaian pejabat, memperbaiki peralatan, pembelian dan pembinaan pejabat dan bangunan bagi jabatan-jabatan kerajaan |

***BELANJAWAN NEGARA***

Maksud: suatu penyata **anggaran kewangan** tentang **jumlah perbelanjaan** dan jumlah **hasil kerajaan** bagi suatu tahun kewangan yang akan datang

Tujuan belanjawan negara disediakan:

i. Pastikan peruntukkan belanja tidak melebihi hasil
ii. Mempengaruhi aktiviti ekonomi untuk mencapai matlamat ekonomi yg diingini
iii. Mencapai pembangunan dan kadar pertumbuhan ekonomi yang mampan
iv. Mencapai kestabilan ekonomi dengan mengawal inflasi dan pengangguran

Belanjawan Negara dibahagi kepada:

| Jenis Belanjawan | Penerangan |
|---|---|
| Belanjawan Lebihan | -jumlah perbelanjaan kerajaan **kurang** daripada jumlah hasil kerajaan<br>- dilaksanakan semasa menghadapi inflasi<br>-meningkatkan cukai dan mengurangkan perbelanjaan kerajaan |
| Belanjawan Defisit | -jumlah perbelanjaan kerajaan **lebih** daripada jumlah hasil kerajaan<br>-dilaksanakan semasa menghadapi pengangguran /kemelesetan ekonomi<br>-kurangkan cukai dan meningkatkan perbelanjaan kerajaan |
| Belanjawan Seimbang | - jumlah perbelanjaan kerajaan adalah **sama** dengan jumlah hasil kerajaan<br>-dilaksanakan utk mengukuhkan kedudukan kewangan sektor awam dan kestabilan ekonomi<br>-tiada baki hasil/tiada hutang negara |

**Dasar Kewangan**: kerajaan mempengaruhi kegiatan ekonomi melalui bekalan wang dan kadar bunga

| ASPEK | DASAR KEWANGAN MENGEMBANG | DASAR KEWANGAN MENGUNCUP |
|---|---|---|
| **Masalah Ekonomi Yang diatasi** | Pengangguran | Inflasi |
| **Matlamat** | Menambah bekalan wang dalam pasaran | Mengurangkan bekalan wang dalam pasaran |
| **Cara Pelaksanaan** | ▪ Menurunkan nisbah rizab berkanun<br>▪ Menurunkan nisbah rizab tunai<br>▪ Menurunkan kadar faedah<br>▪ Melonggarkan syarat sewa beli<br>▪ Membeli surat jaminan kerajaan | ▪ Menaikkan nisbah rizab berkanun<br>▪ Menaikkan nisbah rizab tunai<br>▪ Menaikkan kadar faedah<br>▪ Mengetatkan syarat sewa beli<br>▪ Menjual surat jaminan kerajaan |

| Cara Mengatasi | Huraian |
|---|---|
| i. **Menaikkan Rizab tunai** (*simpanan wajib dalam bank perdagangan*) | -keupayaan bank perdagangan memberikan pinjaman akan berkurang<br>-dapat mengurangkan kuasa beli masyarakat/mengurangkan penawaran wang dalam pasaran<br>-inflasi dapat dikawal |
| ii. **Menaikkan Rizab berkanun** (*simpanan wajib dalam bank pusat*) | keupayaan bank perdagangan memberikan pinjaman akan berkurang<br>-dapat mengurangkan kuasa beli masyarakat/mengurangkan penawaran wang dalam pasaran<br>-inflasi dapat dikawal |
| iii. **Menaikkan kadar faedah** (*kos pinjaman yang perlu dibayar bagi pinjaman*) | -kos pinjaman kepada firma/individu adalah lebih mahal/tinggi<br>-Individu/firma akan mengurangkan pinjaman<br>-dapat mengurangkan kuasa beli masyarakat/mengurangkan penawaran wang dalam pasaran<br>-inflasi dapat dikawal |
| iv. **Mengetatkan syarat sewa beli** (*tempoh bayaran balik atas pinjaman*) | -mengurangkan jumlah maksimum pinjaman dan memendekkan tempoh bayaran balik pinjaman<br>-minat pengguna untuk berbelanja akan meurun |
| v. **Menjual Surat Jaminan Kerajaan** (satu perjanjian bertulis antara kerajaan dengan orang ramai) | -akan menurunkan jumlah deposit di bank perdagangan<br>-keupayaan bank memberikan pinjaman akan berkurang<br>masyarakat/mengurangkan penawaran wang dalam pasaran<br>-inflasi dapat dikawal |

# BAB 2 MALAYSIA DAN EKONOMI GLOBAL

## Globalisasi

Maksud: **proses interaksi dan integrasi** antara manusia, firma dan kerajaan pelbagai negara

Ciri-Ciri Globalisasi

| | |
|---|---|
| *Pasaran baharu* | - Perkembangan pasaran global dalam perkhidmatan seperti perbankan, insurans, pengangkutan dan komunikasi<br>- Kelonggaran undang2 dan pasaran global (jenama) |
| *Peserta baharu* | - syarikat multinasional yang mendominasi pengeluaran dunia<br>- pertubuhan Perdaganagan Sedunia (WTO) ; organisasi pelbagai hala pertama yg mempunyai kuasa utk memaksa kerajaan mematuhi peraturan perdagangan bebas<br>- Kewujudan blok perdagangan (ASEAN, EU) |
| *Kaedah komunikasi baharu* | - lebih cepat dan murah<br>- internet dan komunikasi elektronik yg menghubungkan org ramai secara serentak<br>- pengangkutan yg lebih cepat dan murah |
| *Peraturan dan norma baharu* | - peluasan dasar ekonomi kapitalis yg merebak ke seluruh dunia seperti penswastaan dan liberalisasi perdagangan<br>- demokrasi sebagai pilihan politik<br>- perjanjian perdagangan pelbagai hala |

Faktor Penggalak Globalisasi

| | |
|---|---|
| *Peranan Kerajaan* | - Mengamalkan sikap terbuka: longgarkan undang2<br>- Polisi mesra perniagaan: pelepasan cukai |
| *Insfrastruktur Teknologi Maklumat dan Komunikasi* | - Perkembangan internet<br>- Kawalan perniagaan menjadi mudah dan pantas |
| *Infrastruktur Pengangkutan yang baik* | - Dapat kurangkan kos pengangkutan: harha murah<br>- Memudahkan aktiviti pernigaan |
| *Pelancongan* | - Pelbagai galakan dan insentif diberikan: bangunkan pelancongan<br>- Tempahan tike tatas talian: mengurangkan kos operasi |

## Syarikat Multinasional

Firma yang beroperasi di beberapa negara secara serentak

Ciri-Ciri Syarikat Multinasional

i. firma yg besar dan mempunyai cawangan di beberapa buah negara
ii. pemindahan teknologi yg canggih antara negara
iii. semua cawangan dikawal oleh syarikat induk

**Dorongan** Syarikat dalam Operasi Antarabangsa

| | |
|---|---|
| *Meluaskan pasaran* | - dengan tujuan syarikat ingin menjual ke negara lain |
| *Perlindungan Perdagangan* | - terdapat sekatan antarabangsa; menyebabkan operasi dilakukan dinegara tertentu |
| *Kos pengangkutan yang tinggi* | - meliputu 10% dpd kos pengeluaran, jarak yg jauh akan menelan kos yg tinggi |
| *Bahan Mentah/hasil bumi yg berlainan* | - kekurangan bhn mentah menyebabkan pengeluaran dilakukan di negara tertentu |
| *Tenaga buruh dengan kemahiran khusus* | - utk jimatkan kos buruh (pengeluaran)<br>- kos upah yg rendah membolehkan kos pengeluaran menurun: harga murah |

**Risiko** Bagi Syarikat Multinasional

1. *Kehilangan Aset*: akibat peperangan dan perbezaan ideologi
2. *Perubahan parti politik*: melaksanakan polisi baharu yang merugikan syarikat
3. *Kekurangan kemudahan asas*: negara kurang membangun: sukar utk berkomunikasi
4. *Tenaga buruh*: tidak berkemahiran dan bermotivasi
5. *Bantahan Masyarakat*: perbezaan bayaran gaji dan kefahaman
6. *Keuntungan*: sukar untuk dapatkan keseluruhan keuntungan utk dibawa balik ke negara asal

**Contoh** Syarikat Multinasional

**Pelaburan Langsung Asing**

Maksud: pelaburan yang dibuat oleh firma/individu dari luar negara untuk memulakan perniagaan/membeli aset di Malaysia

Cara-cara:

| | |
|---|---|
| *Membina kemudahan pengeluaran di negara lain* | - Membuka kilang di negara luar utk membuat pengeluaran |
| *Pengambilalihan Syarikat Asing* | - Apabila syarikat tempatan hampir bankrup, akan dibeli oleh syarikat asing |
| *Usaha Sama dengan syarikat tempatan* | - Bekerjasama dengan syarikat tempatan untuk membuat perniagaan |
| *Membuka subsidiari* | - Membeli saham daripada syarikat tempatan dan membuka kilang keci |

Kesan **Positif**

| | |
|---|---|
| *Pertumbuhan Ekonomi* | - Membantu utk meningkatkan melaui teknologi canggih<br>- Produktiviti pekerja meningkat |
| *Pindahan Teknologi* | - Membawa masuk teknologi baru dan canggih<br>- Kemasukkan mesin dan jentera: kemahiran dan tatacara baharu<br>- Pekerja akan deberikan latihan dan kualiti barang akan meningkat |
| *Meningkatkan kemahiran modal insan* | - Pekerja tempatan akan diberika pelbagai latihan<br>- Kemahiran akan meningkat: berdaya saing |
| *Meningkatkan modal pelaburan* | - Lebih bnayak modal dapat dibawa masuk: menggalakkan pertumbuhan eko<br>- Pemilikan ekuiti asing dapat membantu syarikat tempatan dalam pinjaman |

Kesan **Negatif**

| | |
|---|---|
| *Ketidakseimbangan Pendapatan* | - Firma asing tawarkan gaji yang lebih berbanding firma tempatan<br>- Memberi kesan buruk kepada peniaga kecil<br>- Persaingan sengit: penutupan syarikat tempatan |
| *Kemusnahan alam sekitar* | - Firma asing menggunakan sumber alam dan tidak dapat dikawal<br>- Membawa pelbagai kesan buruk: pencemaran |
| *Aliran untung ke luar negara* | - Sukar mengawal aliran keluar keuntungan pelaburan<br>- Merugikan imbangan pembayaran |

**Perdagangan Antarabangsa**
Maksud: kegiatan mengeksport dan mengimport barangan antara sebuah negara dengan negara lain. Barangan seperti gandum, anggur, jam tangan, diimport dari luar negara seperti Kanada, Amerika Syarikat dan Switzerland.

Import nyata & Eksport nyata : barang; boleh dilihat dan disentuh

Import tak nyata & Eksport tak nyata : perkhidmatan; tidak boleh dilihat dan menerima faedah penggunaan

**-Sebab wujud** Perdagangan Antarabangsa

i. Perbezaan sumber alam semula jadi
*dianugerahkan secara berlainan*
ii. Perbezaan iklim dan jenis tanah
*keluaran hasil pertanian dan perhutanan yang berbeza*
iii. Budaya masyarakat
*mempengaruhi kecenderungan masyarakat utk keluarkan sesuatu barang*
iv. Tingkat kecekapan pengeluaran
*pengkhususan dan proses pengeluaran yang lebih cekap; turun kos pengeluaran*
v. Harga faktor
*mempengaruhi pemilihan teknik pengeluaran*
vi. Cita rasa pengguna
*kehendak manusia yg berbeza dan sukar dipenuhi*

**Kepentingan** perdagangan antarabangsa

i. Memperoleh barangan yang tidak dikeluarkan di dalam negara
*brg yg x dpt dikeluarkan boleh dinikmati*
ii. Menawarkan pilihan yang pelbagai
*memenuhi keperluan dan kehendak*
iii. Menikmati barang dengan harga yang murah
*pengkhususan; peningkatan dlm pengeluaran; Q banyak*
iv. Meluaskan pasaran
*DD & SS berlebihan boleh dieksport*
v. Menggalakkan penggunaan teknologi
*import mesin & peralatan; meningkatkan daya pengeluaran*
vi. Meningkatkan kecekapan pengeluaran
*wujudkan persaingan; mendorong pengeluar barangan bermutu*
vii. Menambahkan peluang pekerjaan
*DD meningkat; mendorong pengeluar besarkan skala pengeluaran*
viii. Menggalakkan pelaburan
*menggalakkan kemasukan pelaburan langsung asing; perkongsian pintar*
ix. Mewujudkan hubungan baik dengan rakan dagang
*wujudkan kerjasama dan persefahaman* antara negara dagang

**Sekatan Perdagangan Antarabangsa**

Maksud: dasar perdagangan luar oleh kerajaan sesebuah negara untuk mengawal eks dan imp.

| Sekatan | Huraian |
|---|---|
| Tarif | Cukai yang dikenakan atas brg diimport<br>2 jenis:<br>**Ad valorem** (mengikut nilai barang)<br>**Cukai spesifik** (cukai tetap ke atas setiap unit barang) |
| Kuota | Jumlah barang yang boleh diimport dlm suatu jangka masa<br>Had maksimum yg boleh diimport |
| Embargo | Perintah larangan atau pemulauan perdagangan<br>Jarang dilakukan kecuali: alas an keselamatan dan kepentingan negara |
| Subsidi | Bantuan kewangan kepada pasaran tempatan<br>Tujuan utk berdaya saing dengan pengeluar asing<br>Kos pengeluaran; turun dan barang menjadi murah |
| Kawalan pertukaran asing | Had pembelian pertukaran asing oleh pengimport tempatan<br>Menggalakkan perkembangan industry penggantian import negara |
| Sekatan bukan ekonomi | Sekatan dlm bentuk undang-undang dan peraturan<br>Tujuan: menjamin keselamatan dan kesihatan rakyat |

| Kebaikan Sekatan | Keburukan Sekatan |
|---|---|
| ▪ **Mengurangkan SS** barang import: tarif dan kuota akan kurangkan SS terhadap brg import<br>▪ **Meningkatkan brg tempatan**: kerana brg import akan jadi mahal<br>▪ Meningkatkan **pendapatan negara**: pengenaan tarif<br>▪ Baiki **imbangan pembayaran**<br>▪ Lindungi **industri muda tempatan** | ▪ Salah **pengagihan sumber** terhadap industri dilindungi tarif<br>▪ **Merugikan pengguna** kerana kualiti yang rendah<br>▪ **Agihan pendapatan yang tidak adil** kerana negara lain kurangkan pembelian; syarikat pengeksport tiada pengeluaran<br>▪ **Ketidakcekapan dlm industri tempatan**; terlalu bergantung dengan kerajaan |

**Liberalisasi Perdagangan**
maksud: tiada syarat pegangan/sekatan dengan negara lain (*tiada pengenaan syarat2*)
-Kelonggaran dlm pegangan ekuiti asing, tarif, kemasukan tenaga buruh dan PLA

| Kebaikan | Keburukan |
|---|---|
| ▪ Interaksi dan integrasi akan jadi mudah antara negara<br>▪ Mudahkan pergerakan modal antara negara<br>▪ Kurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan kecekapan<br>▪ Peroleh keuntungan<br>▪ Buka persaingan sihat dan galakkan teknologi | ▪ Industri tempatan tidak mampu bersaing dengan pelabur asing<br>▪ Hasrat pemindahan teknologi dan perkongsian kepakaran tidak berlaku dengans sepenuhnya<br>▪ Ekonomi bergantung dengan pelaburan asing dan dominasi pasaran tempatan |

**Blok Ekonomi**
maksud: satu kumpulan negara yang terdiri daripada beberapa negara yang berada di rantau yang berhampiran (*kelompok negara yang ada di suatu tempat yg berhampiran*)
**Tujuan:** Melindungi negara ahli daripada barang import dari negara bukan ahli dan galakkan urus niaga barangan antara negara ahli
Contoh: ***Kesatuan Eropah***
Objektif: Hapuskan duti kastam, pastika PA dijalankan secara bebas, galakkan aktiviti ekonomi

**Perjanjian Perdagangan**
maksud: perjanjian yang ditandatangani oleh dua atau lebih negara atas persetujuan bagi isu tarif, kuota dan sekatan perdagangan lain semasa menjalankan urus niaga (*kawasan perdagangan bebas*)
Contoh: Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN; **AFTA** (*ASEAN Free Trade Area*)
**Tujuan:**
-Meningkatkan daya saing
-Menarik kemasukan pelaburan langsung asing dan teknologi
-pengguna dapat peroleh brg dagangan daripada pengeluar yang lebih cekap

**Perjanjian GATT**
Tujuan: mencipta iklim perdagangan antarabangsa yang harmoni dan sihat
Objektif: kurangkan halangan dalam hubungan perdagangan bebas dan hapuskan diskriminasi
Peranan: Membantu dlm proses pertumbuhan ekonomi

| Kesan Positif Blok Ekonomi & PP | Kesan Negatif Blok Ekonomi & PP |
|---|---|
| ▪ Pindahan teknologi<br>▪ Peluasan pasaran<br>▪ Peluang pekerjaan<br>▪ Peningkatan daya saing<br>▪ Perkongsian sumber tenaga | ▪ Kegawatan ekonomi<br>▪ Bebanan hidup golongan miskin<br>▪ Masalah lambakan barang<br>▪ Ancaman kepada industri muda tempatan |

**Imbangan Pembayaran** : penyata yang merekodkan **jumlah penerimaan dan jumlah pembayaran** kewangan

**Komposisi Eksport**

| **Eksport Nampak :** Barangan | **Penerangan** |
|---|---|
| Barang Pertanian<br><br><br><br><br><br>Barang perlombongan | -Keluaran sektor pertanian dan perladangan<br>cth: getah asli, kayu balak, minyak kelapa sawit, biji koko dan lada hitam, keluaran berasaskan kelapa sawit, kayu, dan hasil keluaran kayu, hasil laut serta bahan kimia organic<br><br>-cari gali sumber semula jadi<br>cth: timah, petroleum mentah dan gas asli cecair |
| Barang perkilangan | -barangan elektronik, kain kapas, pakaian, marjerin, perabot, serta kapur dan simen |

| **Eksport Tak Nampak :** Perkhidmatan | **Penerangan** |
|---|---|
| Pengangkutan | -rakyat asing yang menggunakan perkhidmatan lapangan terbang, penerbangan tempatan dan bayaran perkhidmatan pos dan kurier |
| Pelancongan | -perbelanjaan pelancongan; pelancong asing yang datang ke negara kita beserta penginapan, hiburan, makanan dan pengangkutan |
| Telekomunikasi, komputer dan maklumat | -radio, television, perisian komputer dan maklumat seperti berita dpd firma tempatan yg dilanggan oleh firma asing |
| Pembinaan | -prkhidmatan pembinaan yg dilaksanakan oleh rakyat Malaysia di negara lain (pembinaan, pemasangan jentera, penyewaan peralatan) |
| Insurans dan Pencen | -yang disediakan kepada rakyat dan firma asing |
| Kewangan | Caj dan bayaran utk simpanan/pinjaman, pengurusan asset, operasi, pengawalseliaan pasaran kewangan yg diterima oleh rakyat tempatan dan firma tempatan dari luar negara |
| Perkilangan | Bayaran diterima oleh firma tempatan utk pemprosesan pemilik brgan luar negara spt pelabelan, pembungkusan |
| Penggunaan harta intelek | Hak intelek seperti paten, cap dagang, hak cipta, reka cipta, proses industri dan francais |
| Perkhidmatan peribadi, budaya dan rekreasi | Audiovisual, akses, sewaan audiovisual, bayaran kepada pelakon, perkhidmatan pendididkan, kesihatan, sukan, rekreasi dan hiburan |

**Komposisi Import**

| **Import Nampak :** Barang | **Penerangan** |
|---|---|
| Barang penggunaan | -barang akhir yang boleh digunakan; makanan, pakaian, kereta |
| Barang perantaraan | -barang separuh siap untuk kegunaan sektor perkilangan dan pembinaan; simen, bahan plastic, komponen pemasangan kereta, bahan kimia |
| Barang Pelaburan/Modal | - untuk kegunaan perusahaan: jentera, mesin |

| **Import Tak Nampak :** Perkhidmatan | **Penerangan** |
|---|---|
| Pengangkutan | -rakyat malaysia yang menggunakan perkhidmatan lapangan terbang, penerbangan luar negara dan bayaran perkhidmatan pos dan kurier |
| Pelancongan | -perbelanjaan pelancongan; pelancong, pelajar, dan pesakit tempatan yang pergi ke negara lain beserta penginapan, hiburan, makanan dan pengangkutan |
| Telekomunikasi, komputer dan maklumat | -radio, television, perisian komputer dan maklumat seperti berita dpd firma asing yg dilanggan oleh orang tempatan |
| Pembinaan | -prkhidmatan pembinaan yg dilaksanakan oleh rakyat asing di negara kita (pembinaan, pemasangan jentera, penyewaan peralatan) |
| Insurans dan Pencen | -yang disediakan kepada rakyat dan firma Malaysia |
| Kewangan | Caj dan bayaran utk simpanan/pinjaman, pengurusan asset, operasi, pengawalseliaan pasaran kewangan yg diterima oleh rakyat dan firma asing dari Malaysia |
| Perkilangan | Bayaran diterima oleh firma asing utk pemprosesan kepada pemilik barangan tempatan spt pelabelan, pembungkusan |
| Penggunaan harta intelek | Hak intelek seperti paten, cap dagang, hak cipta, reka cipta, proses industri dan francais |
| Perkhidmatan peribadi, budaya dan rekreasi | Audiovisual, akses, sewaan audiovisual, bayaran kepada pelakon, perkhidmatan pendididkan, kesihatan, sukan, rekreasi dan hiburan |

*Butir-butir Imbangan Pembayaran*

i. Akaun semasa (rekodkan nilai eks. Dan imp. brg dan perkhidmatan serta pendapatan)
ii. Akaun modal
iii. Akaun pergerakan kewangan

i. **Akaun semasa**

| **Butiran Akaun Semasa** | **Penerangan** |
|---|---|
| Akaun barangan (*A.Dagangan*) | -semua urus niaga eksport dan import nyata *(barangan)* |
| Akaun Perkhidmatan | -semua urus niaga eksport dan import tak nyata *(perkhidmatan)* |
| Akaun Pendapatan Primer | -bayaran dividen atas pelaburan, untung, faedah hutang |
| Akaun Pendapatan Sekunder | -pindahan yang tidak melibatkan pembayaran semula; kiriman wang kepada ahli keluarga, bantuan derma, pemberian kerajaan dan dsb |

## Kadar Pertukaran Asing

**Pertukaran Asing**
Maksud: mata wang negara lain yang dimiliki oleh sesebuah negara

**Kepentingan Pertukaran Asing**

| Kepentingan | Penerangan |
|---|---|
| Membiayai Import | Untuk membuat bayaran dengan gunakan mata wang negara pengeksport |
| Membayar balik hutang negara | Membuat bayaran dalam mata wang negara pemberi pinjaman |
| Membuat pelaburan di luar negara | Boleh menggalakkan rakyat melabur di negara luar |
| Mempertahankan nilai mata wang | Menggunakan rizab asing negara untuk membeli RM |

**Faktor mempengaruhi Permintaan dan Penawaran Mata Wang Asing**

| Faktor | Penerangan |
|---|---|
| Eksport Negara | DD terhadap mata wang berlaku apabila negara tersebut eksport ke negara lain |
| Import Negara | SS terhadap mata wang berlaku apabila negara tersebut mengimport dari negara lain |
| Kadar Faedah | Penurunan kadar faedah: meningkatkan DD<br>Peningkatan kadar faedah: meningkatkan SS |
| Cita rasa pengguna | Jika rakyat Malaysia suka brgan import: DD meningkatkan |
| Spekulasi mata wang | Jika RM diramalkan akan meningkat; DD RM akan meningkat dan sebaliknya |

Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing

| Kesan | Penerangan |
|---|---|
| Kenaikan Kadar | Eksport: menurun dan Import: meningkat |
| Kejatuhan Kadar | Eksport: meningkat dan Import: meniurun |

Soalan

<table>
<tr><th>Soalan/Topik</th><th>Penerangan</th></tr>
<tr><td>Masalah Ekonomi kepada firma</td><td>i.<br><br>ii.<br><br>iii.</td></tr>
<tr><td>Sistem Ekonomi</td><td><table><tr><td>Sistem Ekonomi Kapitalis</td><td>Sistem Ekonomi Sosialis</td></tr><tr><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td></tr></table></td></tr>
<tr><td>Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP)</td><td>Senaraikan 4 andaian:<br>i.<br>ii.<br>iii.<br>iv</td></tr>
<tr><td>Keluk Permintaan dengan jadual yang sesuai</td><td></td></tr>
<tr><td>Keluk Penawaran dengan jadual yang sesuai</td><td></td></tr>
<tr><td>Keluk Keseimbangan Pasaran dengan jadual yang sesuai</td><td></td></tr>
</table>

| | |
|---|---|
